

## **PELAKSANAAN AKTIVITI BIMBINGAN DAN KAUNSELING KEPADA MURID BERKEPERLUAN KHAS**

### ***(IMPLEMENTATION OF GUIDANCE AND COUNSELLING ACTIVITIES TO SPECIAL NEEDS STUDENTS)***

**Norafifah Bali and Mohamad Hashim Othman**

School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang,  
Malaysia

\*Corresponding author: [fifah87@gmail.com](mailto:fifah87@gmail.com)

Publication date: 24 December 2019

To cite this article: Norafifah Bali, & Mohamad Hashim Othman. (2019). Pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling kepada Murid Berkeperluan Khas. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 34, 87–103. <https://doi.org/10.21315/apjee2019.34.5>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/apjee2019.34.5>

**Abstract:** School counsellors play a role in implementing guidance and counseling services to mainstream students and Special Needs Students. Research from the previous study found that the lack of research that looks at the aspect of the implementation of guidance and counseling services, especially to the Special Needs Students. Therefore, the basic qualitative study was conducted to explore the aspect through semi-structured interviews on six school counsellors. Findings from this study that analysed using ATLAS.ti shows that school counsellors generally carry out responsibilities by providing guidance and counseling services to all students, including Special Needs Students. Furthermore, the findings show that the activities carried out by the school counsellors are based on the needs of the mainstream students rather than on the needs of Special Needs Students. Findings also found that school counsellors did not devise specific programs according to the needs of Special Needs Students. The implications of this study are also discussed in the context of the improvement of service delivery.

**Keywords:** Guidance and counselling, special needs student, school counsellor, special education, qualitative

**Abstrak:** Guru bimbingan dan kaunseling sekolah (GBKS) berperanan untuk melaksanakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar aliran perdana dan Murid Berkeperluan Khas (MBK). Penelitian daripada kajian lepas mendapati bahawa kurangnya

kajian yang melihat kepada aspek pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terutamanya kepada MBK. Oleh itu, kajian kualitatif asas dijalankan untuk meneroka aspek tersebut menerusi temu bual separa berstruktur ke atas enam orang GBKS. Dapatan daripada kajian ini yang dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti menunjukkan bahawa GBKS secara umumnya telah menjalankan tanggungjawab dengan membekalkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada keseluruhan pelajar, termasuk MBK. Seterusnya, kajian dapatan menunjukkan bahawa aktiviti yang dilaksanakan oleh GBKS adalah mengikut keperluan pelajar aliran perdana dan bukannya berdasarkan kepada keperluan Murid Berkeperluan Khas. Dapatan juga mendapati bahawa GBKS tidak merangka program khusus mengikut keperluan MBK. Implikasi kajian ini turut dibincangkan dalam konteks penambahbaikan pelaksanaan perkhidmatan.

**Kata kunci:** Bimbingan dan kaunseling, murid berkeperluan khas, guru bimbingan dan kaunseling, pendidikan khas, kualitatif

## **Pengenalan**

Unit bimbingan dan kaunseling sekolah ditubuhkan pada tahun 1963 dengan menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan untuk memenuhi keperluan pelajar di sekolah terutamanya dalam empat aspek iaitu perkembangan, pencegahan, intervensi, dan pemulihan. Fokus perkhidmatan juga turut diberikan kepada pembangunan sahsiah diri murid, peningkatan disiplin murid, pengurusan kerjaya murid, dan psikososial dan kesejahteraan mental murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012a). Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah (GBKS), merupakan individu yang dipertanggungjawabkan untuk menyalurkan perkhidmatan ini kepada semua pelajar di sekolah termasuklah pelajar daripada aliran pendidikan khas.

Pelajar dalam aliran pendidikan khas atau dikenali sebagai Murid Berkeperluan Khas (MBK) ini adalah terdiri daripada pelajar yang memiliki masalah pembelajaran, kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, kurang upaya pertuturan, kurang upaya fizikal dan kurang upaya pelbagai. Saban tahun, enrolmen pelajar pendidikan khas menunjukkan peningkatan dan jumlah populasi ini dilaporkan lebih ramai di sekolah aliran biasa yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) berbanding dengan jumlah pelajar di Sekolah Pendidikan Khas atau Sekolah Pendidikan Khas Vokasional itu sendiri (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

PPKI merupakan salah satu program yang ditubuhkan khusus untuk memenuhi keperluan MBK terutamanya dari segi peluang untuk mendapatkan akses pendidikan yang relevan dengan keperluan mereka. Program ini juga dapat

meningkatkan perkembangan kemahiran dan potensi diri sekaligus dapat meningkatkan kualiti hidup mereka (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012b). MBK yang mengikuti program ini ditempatkan di sekolah harian biasa, teknik atau vokasional dan diintegrasikan bersama dengan pelajar aliran perdana tetapi ditempatkan di dalam kelas yang berbeza. Sekolah yang melaksanakan PPKI juga turut melaksanakan Program Pendidikan Inklusif, iaitu menempatkan MBK ke dalam kelas bersama dengan pelajar aliran perdana (Mohd Zuri & Aznan, 2013).

Walaupun perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini diberikan kepada keseluruhan pelajar, beberapa kajian mendapati bahawa perkhidmatan ini kurang diberi penekanan ke atas pelajar aliran pendidikan khas (Hanani, Hasnah, & Salleh, 2012; Roberts, 2012). Walhal perkhidmatan ini merupakan satu keperluan kepada MBK kerana mereka turut menghadapi pelbagai isu tersendiri yang mengganggu kesejahteraan sosial mereka (Krajncan, Sinjur, & Kranjec, 2015; Parchomiuk, 2015; Richmond-Frank, 2015) dan juga sepertimana yang dialami oleh pelajar aliran perdana.

MBK sering berhadapan dengan pelbagai isu yang mengganggu kesejahteraan sosial mereka. Antara isu yang dialami adalah diskriminasi oleh guru (Sazak-Pinar & Güner-Yildiz, 2013; Strnadová, Hájková, & Květoňová, 2015), tidak menamatkan persekolahan (Goodman, Bucholz, Hazekorn, & Duffy, 2014), dan transisi persekolahan ke alam pekerjaan (Melissa, Mey, Eng, Rosly, & Ahmad Fairuz, 2013). Isu-isu yang dialami oleh MBK telah memberikan gambaran tentang keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini kepada MBK. Seorang GBKS berperanan untuk membekalkan sokongan emosi, latihan tingkah laku, dan membantu MBK dalam membina perhubungan sosial dengan masyarakat (Trolley, Haas, & Patti, 2012, p. 60). Selain itu, intervensi awal GBKS di bangku sekolah mengenai aspirasi kerjaya MBK membantu mereka mendapatkan pekerjaan selepas tamat persekolahan (Gutman & Schoon, 2018).

Oleh itu, GBKS memainkan penting dalam membantu MBK (Auger, 2013; Fish & Smith-Augustine, 2015; Roberts, 2012) dalam menyelesaikan isu yang dihadapi oleh MBK tersebut. Maka, pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK perlu diberi perhatian lanjut.

Di Malaysia, kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar aliran perdana berbanding dengan pelaksanaannya kepada MBK (Hanani et al., 2012). Setakat ini, hanya bilangan kecil sahaja kajian yang memfokuskan kepada kajian berkaitan dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK ini seperti, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar bermasalah pembelajaran di Program Pendidikan Khas

Integrasi (Hanani Harun Rasit, 2014), tahap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK dan kekangan yang dihadapi oleh GBKS dalam melaksanakan perkhidmatan tersebut (Hanani et al., 2012), kesediaan dan latihan yang diperlukan kaunselor dalam melaksanakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling (Azharizah & Salleh, 2011), dan pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada murid bermasalah pendengaran (Tor, 2013). Namun, kajian-kajian yang dinyatakan tidak memberikan pemfokusan kepada pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dari segi aktiviti yang dilaksanakan kepada MBK yang mengikuti Program Pendidikan Inklusif dan MBK yang berada di aliran pendidikan khas itu sendiri. Memandangkan masih kurang kajian berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling oleh GBKS khusus kepada MBK di aliran pendidikan khas dan MBK Program Pendidikan Inklusif, maka ianya perlulah diberikan perhatian dan dilaksanakan.

Dalam kajian ini, pemahaman mengenai pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK dilihat menggunakan model kompetensi kaunseling multibudaya yang diperkenalkan oleh Sue, Arredondo dan McDavis (1992). Sue et al. (1992) telah mendefinisikan Kompetensi Kaunseling Multibudaya sebagai kesedaran, pengetahuan dan kemahiran yang ada pada diri seseorang apabila berkerja dengan populasi yang pelbagai. Model ini digunakan sebagai panduan kepada pengkaji untuk pemahaman berkaitan dengan kecekapan GBKS bekerja dengan populasi multibudaya ini kerana MBK dilihat sebagai salah satu populasi multibudaya. Elemen perbezaan multibudaya yang terdapat antara GBKS dan MBK adalah elemen ketidakupayaan. Menurut model ini juga, seorang kaunselor dilihat sebagai individu yang mampu memberikan perkhidmatan yang efektif kepada populasi pelbagai sekiranya mereka memiliki kesedaran, pengetahuan dan kemahiran apabila berhadapan dengan kepelbagaian tersebut. Oleh itu, model tersebut sangat sesuai digunakan untuk menerangkan lebih mendalam berkaitan dengan keperluan GBKS dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK.

## **OBJEKTIF**

Hasil kajian ini merupakan sebahagian daripada keputusan kajian sebenar yang dilaksanakan untuk memahami pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling oleh GBKS terhadap MBK. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Meneroka pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling yang dilakukan oleh GBKS kepada pelajar sekolah termasuk aliran perdana dan aliran pendidikan khas.

2. Meneroka penglibatan MBK Program Pendidikan Inklusif dalam pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling yang dilakukan oleh GBKS.
3. Meneroka perancangan aktiviti bimbingan dan kaunseling yang dilakukan oleh GBKS khusus kepada MBK di aliran Pendidikan Khas dan MBK Program Pendidikan Inklusif.

## **METODOLOGI**

### **Pendekatan dan Reka Bentuk Kajian**

Pendekatan kualitatif telah digunakan untuk meneroka dan memahami pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling yang dilaksanakan oleh GBKS kepada MBK aliran pendidikan khas dan MBK Program Pendidikan Inklusif. Reka bentuk Kajian Kualitatif Asas (*Basic Qualitative Research*) digunakan untuk mendedahkan makna dalam suatu fenomena melalui interpretasi daripada individu yang terlibat dalam fenomena tersebut (Merriam, 2009, 22).

### **Peserta Kajian**

Dalam kajian ini, pemilihan GBKS adalah menggunakan Persampelan Berdasarkan Kriteria. Jenis persampelan ini digunakan bagi menentukan peserta yang mempunyai ciri-ciri khas yang diperlukan untuk mendapatkan maklumat yang menyeluruh berdasarkan objektif kajian. Ciri-ciri peserta kajian yang homogen membantu dalam proses ketepatan kajian (Guest, Namey, & Mitchell, 2013, p. 62). Kajian ini dilaksanakan di sekolah-sekolah yang terletak dalam bahagian Pantai Barat (Kota Kinabalu) Sabah. Lokasi ini dipilih kerana lokasi kajian ini memiliki ramai GBKS yang memenuhi semua kriteria yang telah digariskan oleh pengkaji. Antara kriteria-kriteria tersebut adalah:

1. Sekolah yang telah melaksanakan PPKI melebihi lima tahun.
2. GBKS mempunyai pengalaman minimum berkhidmat selama enam bulan di sekolah terkini yang melaksanakan PPKI.
3. GBKS merupakan guru lantikan sepenuh masa di sekolah tersebut.
4. GBKS memiliki latar belakang pendidikan minimum Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) atau Sarjana Muda Psikologi (Psikologi Kaunseling) sama ada di universiti awam atau swasta.
5. GBKS merupakan seorang Kaunselor Berdaftar yang berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM).

Seramai enam orang GBKS yang menyertai kajian ini secara sukarela. Tempoh perkhidmatan GBKS dalam kajian ini adalah dalam lingkungan satu hingga lapan tahun. Daripada keseluruhan peserta kajian, seorang peserta memiliki Sarjana Muda Psikologi (Psikologi Kaunseling) dan lima orang lagi memiliki Sarjana Muda dalam bidang Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dan keseluruhan GBKS yang terlibat merupakan Kaunselor Berdaftar.

### **Protokol Temu Bual**


Temu bual telah dijalankan dengan menggunakan soalan separa berstruktur yang telah dibina melalui kajian lapangan dan disahkan kandungannya oleh tiga orang pakar dalam bidang kajian. Pemilihan sampel kajian memenuhi kriteria yang diperlukan dalam kajian dan memenuhi keperluan yang dikehendaki oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Borang Persetujuan Termaklum disediakan dan diberikan kepada peserta kajian untuk ditandatangani bagi menyatakan persetujuan mereka untuk terlibat sukarela dalam kajian. Maklumat peribadi yang diperoleh daripada peserta kajian seperti nama dan sekolah ditukarkan ke bentuk kod untuk menjamin kerahsiaan.

### **Prosedur**

Kelulusan menjalankan kajian diperoleh daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, dan Pengetua sekolah yang terlibat. Seterusnya, penyertaan GBKS dalam kajian ini diperoleh secara sukarela. Temu bual bersemuka dijalankan secara individu dan dijalankan di Bilik Kaunseling sekolah masing-masing. Penerangan mengenai beberapa perkara seperti tujuan temu bual, keperluan rakaman, dan kerahsiaan diberikan kepada GBKS melalui pengisian Borang Persetujuan Termaklum. Temu bual dijalankan selama 45 minit hingga satu jam.

### **Analisis Data**

Perisian ATLAS.ti versi 7 digunakan untuk proses mentranskrip temu bual dan melaksanakan proses pengekodan dan mencari tema. Keseluruhan proses analisis data adalah dengan menggunakan kaedah Analisis Tematik tujuh peringkat (Braun & Clarke, 2013, pp. 202–203). Kaedah tersebut digunakan sebagai panduan dalam menjalankan analisis secara teratur. Berikut merupakan peringkat-peringkat tersebut:



**Rajah 1.** Peringkat analisis tematik tujuh peringkat (Braun & Clarke, 2013)

Rajah 1 menunjukkan tujuh peringkat dalam Analisis Tematik yang digunakan untuk menganalisis data dalam kajian ini. Selepas temu bual terhadap GBKS-1 dijalankan, proses mentranskrip dilaksanakan serentak dengan proses pembacaan dan membiasakan dan pelaksanaan diteruskan dengan temu bual GBKS seterusnya. Temu bual untuk setiap GBKS telah dilakukan mengikut proses pengkodan ayat demi ayat mengikut objektif kajian. Pencarian tema dilakukan dengan mengelompokkan kod-kod yang dikenal pasti mengikut ciri-ciri yang sama pada sesebuah kod. Proses semakan semula tema dilaksanakan agar hubungan antara kod dan tema adalah tepat. Kod-kod yang dikelompokkan dibahagi kepada tiga tema seperti yang dibincangkan dalam bahagian Keputusan. Setelah tema diberikan label, akhirnya hasil dapatan tersebut diterjemahkan dalam bentuk penulisan artikel.

## **DAPATAN KAJIAN**

Sesi temu bual yang dilaksanakan menghasilkan tiga dapatan kajian seperti yang diuraikan pada bahagian seterusnya.

### **Aktiviti Bimbingan dan Kaunseling Khusus kepada MBK Aliran Pendidikan Khas dan MBK Program Pendidikan Inklusif**

Aktiviti bimbingan dan kaunseling yang dilaksanakan oleh GBKS dapat dilihat melalui perbandingan penglibatan antara pelajar aliran perdana, MBK aliran pendidikan khas dan MBK Program Pendidikan Inklusif.

**Jadual 1.** Aktiviti bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar sekolah

Aktiviti	Penglibatan		
	Pelajar aliran perdana	MBK Program Pendidikan Inklusif	MBK aliran pendidikan khas
Ujian Psikometrik	/	/	-
Program Kerjaya	/	/	-
Perkhemahan Ko-Kurikulum	/	/	/
Kaunseling Individu	/	/	-
Program Mentor-Menti	/	/	/
Bimbingan	/	/	-
Konsultasi Ibu Bapa	/	/	/
Antibuli	/	/	/
Antiponteng	/	/	/
Antidadah	/	/	/

Jadual 1 menunjukkan GBKS menjalankan tanggungjawab dalam memberikan pelbagai perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar sekolah. Antara aktiviti yang dikenal pasti dalam sesi temu bual adalah ujian psikometrik, program melibatkan kerjaya, program ko-kurikulum seperti perkhemahan sekolah, sesi kaunseling individu, program mentor-menti, bimbingan umum, konsultasi bersama ibu bapa, dan program kesedaran seperti buli, ponteng dan dadah. Berikut merupakan contoh verbatim yang menyatakan pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling:

Biasanya kami tengok dari segi dia punya *result*.. apa tu.. psikometrik tu la.. buat sesi **kaunseling kerjaya** dengan diorang la.. (GBKS-1)

Kalau yang setakat pelaksanaan **psikometrik** ni memang ada la.. habis kita kena buat kepada semua pelajar kan.. (GBKS-2)

Kalau program.. **camping**.. sebab diorang.. kami sebenarnya buat untuk perdana.. tapi diorang pun ada unit beruniform kan.. jadi jemput *join* sekali la.. (GBKS-3)

Dia ni Tingkatan 3.. berkeliaran saja la.. jadi saya selalu **kaunseling** dia.. diorang hantar dengan saya.. selalu.. (GBKS-4)



Kalau dalam sesi kaunseling ada.. ada juga pelajar yang dibagi sesi kaunseling.. ada juga *parents* yang dari pendidikan khas.. datang sini.. **konsultasi ibu bapa** pun ada buat.. kalau pelajar yang dirujuk oleh guru dia untuk sesi kaunseling.. ada kena panggil.. yang secara.. ini la.. **secara individu..** (GBKS-5)

Macam tahun lepas.. program.. dia meningkatkan *self-esteem* pelajar-pelajar tu la.. dia lebih kepada **memotivasikan** diorang kan.. itu yang kami buat la.. jadi.. dia sekurang-kurangnya program itu dia kira membantu meningkatkan kefahaman diorang tentang apa yang harus mereka buat.. supaya.. diorang ni banyak.. macam.. keyakinan diri kurang tu kan.. (GBKS-6)

Berdasarkan keratan verbatim tersebut, perkataan yang ditebalkan (*bold*) merupakan antara aktiviti yang dilaksanakan oleh GBKS kepada pelajar sekolah. Penerokaan lanjut mengenai aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan mendapati dua isu berkenaan dengan pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap MBK. Dapatan tersebut diterangkan pada bahagian seterusnya.

### **Penglibatan MBK Program Pendidikan Inklusif dalam Aktiviti Bimbingan dan Kaunseling**

Hasil analisis mendapati penglibatan MBK Program Pendidikan Inklusif dalam aktiviti bimbingan dan kaunseling adalah secara tidak langsung. Penyertaan secara tidak langsung dalam konteks kajian ini adalah penyertaan MBK Program Pendidikan Inklusif dalam aktiviti yang dilaksanakan untuk pelajar aliran perdana. Berikut merupakan keratan verbatim yang menunjukkan dapatan tersebut:

Kami tidak.. tidak jalankan mentor-menti dengan diorang.. **maksudnya diorang ada aktiviti diorang sendiri kan.. tetapi macam diorang sudah di perdana.. secara tidak langsung.. diorang akan bersama-sama dengan aktiviti pelajar perdana..** (GBKS-1)

MBK ni kalau tak dirujuk memang saya tak dapat la tiba-tiba nak pergi jumpa ke apa kan.. **kalau psikometrik ni.. kalau masuk kelas, dia memang ada sama kan..** (GBKS-2)

kalau program.. *camping..* sebab diorang.. **kami sebenarnya buat untuk perdana.. tapi diorang pun ada unit beruniform kan..**

**jadi jemput *join* sekali la.. jadi kami biasanya kalau *camping* tu... diorang *join*... kami akan *handle* la... (GBKS-3)**

itu banyak yang ponteng.. kami *handle*... **sebab diorang dalam... bangunan... yang perdana..** tapi kalau diorang yang di situ tu.. itu la.. halangan dia.. (GBKS-4)

kami panggil inspektor dari... balai polis K\* untuk bagi ceramah tentang ni la.. anti buli.. anti ponteng.. itu la... ahah.. **secara umum saja la kan... sebab... semua pelajar terlibat di sana.. pelajar khas pun terlibat.. (GBKS-5)**

tidak juga kerap la.. tapi dalam sebulan tu.. ada la.. ada saya ke sana la.. lagipun saya buat program ada satu kelas Tingkatan 5 di sana kan.. 5 S\* tu.. **jadi secara tidak langsung saya boleh pantau sikit-sikit la.. (GBKS-6)**

Keratan verbatim di atas merupakan pernyataan bahawa penglibatan MBK Program Pendidikan Inklusif dalam aktiviti bimbingan dan kaunseling adalah disebabkan MBK Program Pendidikan Inklusif berada dalam seting pelajar aliran perdana. Aktiviti yang dilaksanakan adalah khusus untuk perdana, namun, MBK Program Pendidikan Inklusif terlibat kerana mereka secara tidak langsung berada pada masa dan tempat aktiviti tersebut dilaksanakan. Hasil penerokaan lanjut mengenal pasti penyebab kepada penyertaan secara tidak langsung MBK dalam aktiviti bimbingan dan kaunseling yang dilaksanakan. Dapatan tersebut akan dihuraikan pada bahagian seterusnya.

### **Perancangan Aktiviti Bimbingan dan Kaunseling Khusus kepada MBK Aliran Pendidikan Khas dan MBK Program Pendidikan Inklusif**

Hasil kajian mendapati bahawa GBKS tidak merangka aktiviti bimbingan dan kaunseling yang khusus untuk keperluan MBK keseluruhan. Pernyataan ini didapati melalui hasil temu bual berikut:

Pengkaji: Adakah terdapat perbezaan perancangan aktiviti antara pelajar aliran perdana dan MBK?

**GBKS: Setakat ni tiada.. sama rata saja.. (GBKS-1)**

**Kalau kerjaya setakat ni takda.. sebab diorang dalam kelas pendidikan khas kan.. diorang belajar kelas perdana kan..tapi status dia tetap pelajar keperluan khas la.. (GBKS-2)**

**Tidak pernah.. sebab itu biasanya di bawah dia punya guru-guru la.. (GBKS-3)**

Sebab mereka ni erm.. apa ba kan.. yang.. **saya bukan di sana betul.. kami cuma.. bahagian perdana.. kami cuma memerhati.. begitu.. (GBKS-4)**

Tapi.. kalau.. secara ni sangat tu.. tidak la juga.. secara umum ja.. maksudnya program umum untuk pelajar perdana.. libatkan juga dengan pelajar pendidikan khas.. **kalau program secara khusus untuk pelajar pendidikan khas.. saya rasa setakat ni belum ada lagi la..** yang memang khusus untuk pelajar-pelajar tu kan? a.. belum.. (GBKS-5)

Semasa ini kan yang.. **pendidikan khas ni.. memang la di peringkat saya di UBK (Unit Bimbingan dan Kaunseling) kan.. memang kami.. dalam rancangan tahunan tu.. memang kami tidak ada perancangan khusus la untuk mereka kan.. (GBKS-6)**

Hasil temu bual diatas menunjukkan bahawa GBKS tidak merangka aktiviti khusus untuk memenuhi keperluan unik MBK, sama ada MBK Program Pendidikan Inklusif mahupun MBK di aliran pendidikan khas.

## **PERBINCANGAN**

Keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa GBKS kurang memberikan perhatian kepada perlaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK. Seorang GBKS seharusnya perlu memastikan agar perkhidmatan kepada pelajar aliran perdana dan juga MBK dapat diberikan secara setara terutamanya kepada MBK pelajar pendidikan khas dan MBK Program Pendidikan Inklusif. Pelaksanaan perkhidmatan kepada kedua-dua lingkungan klien ini dinyatakan melalui Surat Siaran Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling yang dikeluarkan oleh KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012a) dan turut dinyatakan dalam Buku Rekod Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling yang dimiliki oleh setiap orang GBKS di sekolah.

Dapatan kajian bahawa GBKS kurang melibatkan diri dengan MBK adalah selari dengan kajian yang dijalankan sebelum ini yang menunjukkan bahawa GBKS kurang menekankan perkhidmatan ini terhadap MBK (Hanani et al., 2012). Terdapat beberapa faktor yang dapat menjelaskan terhadap perkara ini, iaitu GBKS mempunyai kekangan dalam aspek kesediaan (Aksoy & Diken, 2009; Arnold, 2010; Lee, 2015; Li, Ahmad Shamsuri, & Peng, 2011; Nichter & Edmonson, 2005), pengetahuan dan kemahiran (Arnold, 2010; Lee, 2015; Wickremesooriya, 2015).

Seterusnya, Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah yang mempunyai kekurangan dalam aspek kesedaran, pengetahuan dan kemahiran menunjukkan sikap negatif terhadap individu berbeza budaya (Cimsir & Hunt, 2017; Ratts, Singh, Nassar-McMillan, Butler, & McCullough, 2016). Oleh itu, sikap negatif yang dimiliki menyebabkan mereka menjauhkan diri daripada terlibat dengan MBK. Rohaida (2017) menyatakan bahawa bebanan tugas yang tinggi juga secara langsung menyebabkan GBKS kurang memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK.

Dalam kajian ini, kesediaan dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap MBK dipengaruhi oleh kesedaran mereka terhadap ketidakupayaan yang dimiliki oleh MBK. Kajian yang dijalankan oleh Parchomiuk (2015) menunjukkan bahawa seorang guru berkecenderungan menyukai pelajar yang memiliki sifat seperti kecantikan, kesihatan, kekuatan, daya ketahanan, dan kebolehsuaian. Oleh itu, GBKS mempunyai kecenderungan memberikan perkhidmatan kepada pelajar aliran perdana berbanding MBK. Selain itu, faktor kesedaran seperti motivasi turut mempengaruhi pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK (Arnold, 2010).

Faktor kesedaran, pengetahuan dan kemahiran merupakan komponen yang terdapat dalam Model Kompetensi Kaunseling Multibudaya yang dibina oleh Sue et al. (1992) yang turut mendasari kajian ini. Komponen-komponen ini adalah penting dalam proses terapeutik antara seorang kaunselor dan klien yang mempunyai budaya yang berbeza (Ping & Rafidah, 2013; Sheri, 2015; Tao, Owen, Pace, & Imel, 2015) terutamanya budaya Orang Kelainan Upaya (OKU).

Walau bagaimanapun, pernyataan berkenaan seseorang kaunselor tidak akan mempunyai pengetahuan sepenuhnya tentang sesuatu elemen budaya (Corey, 2013, p. 27) menjelaskan bahawa pengetahuan dan kemahiran bukannya faktor utama kepada penglibatan seorang kaunselor dan klien, tetapi kesediaannya menghadapi klien tersebut. Oleh itu, faktor kesedaran merupakan faktor utama

yang dapat menjelaskan penglibatan GBKS dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK.

Dapatan kajian turut menunjukkan pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling hanyalah tertumpu kepada MBK yang mengikuti Program Pendidikan Inklusif. Hal ini turut menunjukkan bahawa pelaksanaan perkhidmatan tersebut adalah tertumpu kepada pelajar aliran perdana sahaja dan keterlibatan MBK dalam program tertentu adalah secara tidak langsung, iaitu disebabkan MBK berada di kelas bersama dengan pelajar aliran perdana. Keadaan ini diwujudkan disebabkan oleh beberapa faktor seperti bebanan tugas yang dipikul oleh GBKS itu sendiri (Lee, 2015; Sakiz et al., 2014) dan faktor rujukan MBK kepada Unit Bimbingan dan Kaunseling (Hanani et al., 2012).

Berdasarkan perbincangan di atas, beberapa cadangan perlu dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling kepada MBK, iaitu meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran berkenaan dengan elemen kelainan upaya dalam diri GBKS. Seterusnya, peningkatan komponen-komponen ini dan pengetahuan mengenai keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK perlu diberikan kepada staf-staf sekolah, seperti pengetua, penolong-penolong kanan, dan guru-guru. Kefahaman sebegini perlu dipupuk agar GBKS dapat melaksanakan tugas dengan baik.

## **IMPLIKASI KAJIAN**

Hasil kajian ini menunjukkan gambaran sebenar mengenai kekurangan pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling khususnya kepada MBK. Berikut merupakan beberapa implikasi kajian yang diperoleh daripada kajian ini;

1. GBKS perlu memberikan perhatian dan perkhidmatan secara langsung kepada MBK seperti yang dilaksanakan ke atas pelajar aliran perdana.
2. GBKS mempunyai keperluan untuk merujuk semula kepada garis panduan yang dinyatakan oleh KPM dalam Buku Rekod Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling mengenai tanggungjawab mereka untuk melaksanakan aktiviti bimbingan dan kaunseling ke atas MBK.
3. Penambahan pengetahuan mengenai aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan kepada pelajar aliran perdana dan MBK.

## KESIMPULAN

Usaha meningkatkan penglibatan GBKS dalam memberikan perkhidmatan yang menyeluruh kepada semua pelajar terutama MBK yang sebelum ini diabaikan secara tidak sengaja oleh GBKS perlu diberikan perhatian seperti mana yang telah digariskan di dalam Surat Siaran yang dikeluarkan oleh KPM dan Buku Rekod Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Hal ini disebabkan MBK juga menghadapi isu yang sama seperti pelajar aliran perdana yang lain (Richmond-Frank, 2015). Ketiga-tiga komponen di dalam Kompetensi Kaunseling Multibudaya, terutama dalam komponen kesedaran perlu diberikan pemfokusan oleh pengkaji-pengkaji seterusnya agar penyelesaian masalah berkaitan dengan isu pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ini dapat dikenal pasti. Penambahbaikan kajian ini turut dicadangkan memandangkan terdapat limitasi dalam kajian terutamanya dari segi metodologi kajian. Antara limitasi tersebut adalah bilangan sampel yang terhad, penggunaan temu bual *one-to-one* sebagai satu cara pengumpulan data sahaja dan hanya melibatkan GBKS sebagai peserta kajian. Oleh itu, penambahbaikan seperti meningkatkan bilangan sampel, menambah kaedah pengumpulan data seperti analisis dokumen dan menggunakan kumpulan fokus untuk menambah hasil kajian, dan merekrut pegawai tadbir lain seperti Pengetua dan Penolong Kanan Pendidikan Khas sebagai sampel kajian untuk mengetahui lebih menyeluruh berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling.

## RUJUKAN

- Aksoy, V., & Diken, I. H. (2009). Examining school counselors' sense of self-efficacy regarding psychological consultation and counseling in special education. *Ilkogretim Online*, 8(3), 709. Retrieved from <http://ilkogretim-online.org.tr/index.php/io/article/viewFile/1930/1766>
- Arnold, R. (2010). School counselor trainees' perceptions of future roles in special education. *NAAAS & Affiliates Conference Monographs*, 296.
- Auger, R. W. (2013). Autism spectrum disorders: A research review for school counselors. *Professional School Counseling*, 16(4), 256–268. <https://doi.org/10.5330/PSC.n.2013-16.256>
- Azharizah Saimi, & Salleh Amat. (2011). Kesediaan dan keperluan latihan kepada kaunselor sekolah dalam program pendidikan khas. *Journal of Special Needs Education*, 1(1), 129–141. Retrieved from [www.mycite.my/en/files/article/70692](http://www.mycite.my/en/files/article/70692)
- Braun, V., & Clarke, V. (2013). *Successful qualitative research: A practical guide for beginners*. London: SAGE Publications.

- Cimsir, E., & Hunt, B. (2017). Students with disabilities: practical information for school counselors in Turkey. *International Journal for the Advancement of Counselling*, 40(2), 122–132. <https://doi.org/10.1007/s10447-017-9315-x>
- Corey, G. (2013). *Theory and practice of counseling and psychotherapy* (9th ed.). Belmont, CA: Brooks/Cole.
- Fish, L., & Smith-Augustine, S. (2015). School counselors and vocational rehabilitation counselors: Collaborating for high school students' with disabilities success. *VISTAS Online*. Retrieved from <https://www.counseling.org/knowledgecenter/vistas/by-year2/vistas-2015/docs/defaultsource/vistas/school-counselors-and-vocationalrehabilitation-counselors-collaborating-for-high-schoolstudents-with-disabilities-success>
- Goodman, J. I., Bucholz, J., Hazelkorn, M., & Duffy, M. L. (2014). Using graduation rates of students with disabilities as an indicator of successful inclusive education. *Measuring Inclusive Education (International Perspectives on Inclusive Education)*, 3, 279–301. <https://doi.org/10.1108/S1479-363620140000003030>
- Guest, G., Namey, E. E., & Mitchell, M. L. (2013). *Collecting qualitative data: A field manual for applied research*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications. <https://doi.org/10.4135/9781506374680>
- Gutman, L. M., & Schoon, I. (2018). Aiming high, aiming low, not knowing where to go: Career aspirations and later outcomes of adolescents with special educational needs. *International Journal of Educational Research*, 89, 92–102. <https://doi.org/10.1016/j.ijer.2017.10.002>
- Hanani Harun Rasit, Hasnah Toran, & Salleh Amat. (2012). Implementation of guidance and counselling service to students with special needs in Selangor. *Journal of Special Needs Education*, 2, 76–87.
- Hanani Harun Rasit. (2014). *Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar bermasalah pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi*. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012a). Perekayasaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah (KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld. 4(5)). Retrieved from <http://jpnperak.moe.gov.my/jpn/attachments/article/1416/SURAT%20SIARAN%20KPM%20BIL%2012%20TAHUN%202012%20.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012b). Program pendidikan khas integrasi. Retrieved from <http://www.moe.gov.my/v/program-pendidikan-khas-integrasi-informasi-program>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). Data Pendidikan Khas 2016. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/images/KPM/BPKhas/buku-data-pendidikan-khas-2016-PRINT.pdf>
- Krajnčan, M., Sinjur, A., & Kranjec, T. (2015). The existing level of social competence of children with special needs from the teacher's point of view. *New Educational Review*, 40(2), 260–271.
- Lee, P. K. (2015). *School counselors' provision of career and college transition services to students in special education*. Unpublished Master's thesis, Utah State University. Retrieved from <https://digitalcommons.usu.edu/gradreports/534/>

- Li, L. P., Ahmad Shamsuri Muhamad, & Peng, C. F. (2011). Peranan kaunselor dan perkhidmatan kaunseling kerjaya bagi orang kurang upaya. *ATIKAN*, 1(2), 233–246. Retrieved from [https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00008567\\_78516.pdf](https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00008567_78516.pdf)
- Melissa Ng Lee Yen Abdullah, Mey, S. C., Eng, T. K., Rosly Othman, & Ahmad Fairuz Omar. (2013). School-to-work transition services for students with disabilities in Malaysia: Organisations' views on policy and practices. *Journal of Research in Special Educational Needs*, 13(4), 259–271. <https://doi.org/10.1111/j.1471-3802.2011.01216.x>
- Merriam, S. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco, CA: John Wiley & Sons, Inc.
- Mohd Zuri Ghani, & Aznan Che Ahmad. (2013). *Pengantar pendidikan khas*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nichter, M., & Edmonson, S. L. (2005). Counseling services for special education students. *Journal of Professional Counseling: Practice, Theory, & Research*, 33(2), 50–62. <https://doi.org/10.1080/15566382.2005.12033817>
- Parchomiuk, M. (2015). Value preferences of teachers and their attitudes towards individuals with disabilities. *International Journal of Disability, Development and Education*, 62(3), 276–287. <https://doi.org/10.1080/1034912X.2015.1020919>
- Ping, V. S., & Rafidah Aga Mohd Jaladin. (2013). The relationship between Malaysian counselors' multicultural counseling competence and client satisfaction. *Malaysian Online Journal of Counseling*, 1(1), 24–28. Retrieved from <http://e-journal.um.edu.my/publish/MOJC/>
- Ratts, M. J., Singh, A. A., Nassar-McMillan, S., Butler, S. K., & McCullough, J. R. (2016). Multicultural and social justice counseling competencies: Guidelines for the counseling profession. *Journal of Multicultural Counseling and Development*, 44, 28–48. <https://doi.org/10.1002/jmcd.12035>
- Richmond-Frank, S. (2015). Because “mama” said so: A counselor–parent commentary on counseling children with disabilities. *The Professional Counselor*, 5(2), 304–317. <https://doi.org/10.15241/srf.5.2.304>
- Roberts, L. A. (2012). School counselors as key personnel in helping improve the transition. *VISTAS*, 2012, Article 96. Retrieved from <http://www.counseling.org/knowledge-center/vistas/by-year2/vistas-2012/docs/default-source/vistas/school-counselors-as-key-personnel-in-helping-improve-the-transition>
- Rohaida Abu Bakar. (2017). *Efikasi sendiri, sikap, kesediaan dan cabaran menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling klien berkeperluan khas*. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Sazak-Pinar, E., & Güner-Yildiz, N. (2013). Investigating teachers' approval and disapproval behaviors towards academic and social behaviors of students with and without special needs. *Educational Sciences: Theory & Practice*, 13(1), 551–556.
- Sakız, H., Woods, C., Sart, H., Erşahin, Z., Aftab, R., Koç, N., & Sarıçam, H. (2014). The route to ‘inclusive counselling’: Counsellors' perceptions of disability inclusion in Turkey. *International Journal of Inclusive Education*, 19(3), 250–269. <https://doi.org/10.1080/13603116.2014.929186>



- Sheri, L. (2015). Reducing stigma towards people with mental illness in Malaysia. *ASEAN Journal of Psychiatry, 16*(2), 1–4. Retrieved from <https://www.aseanjournalofpsychiatry.org/index.php/aseanjournalofpsychiatry/article/viewFile/326/210>
- Strnadová, I., Hájková, V., & Květoňová, L. (2015). Voices of university students with disabilities: Inclusive education on the tertiary level – a reality or a distant dream? *International Journal of Inclusive Education, 19*(10), 1–16. <https://doi.org/10.1080/13603116.2015.1037868>
- Sue, D. W., Arredondo, P., & McDavis, R. J. (1992). Multicultural counseling competencies and standards: A call to the profession. *Journal of Counseling and Development, 70*(4), 477–486. <https://doi.org/10.1002/j.1556-6676.1992.tb01642.x>
- Tao, K. W., Owen, J., Pace, B. T., & Imel, Z. E. (2015). A meta-analysis of multicultural competencies and psychotherapy process and outcome. *Journal of Counseling Psychology, 62*(3), 337–350. <https://doi.org/10.1037/cou0000086>
- Tor, P. C. (2013). *Pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di PPKI bermasalah pendengaran*. Unpublished Master's thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Trolley, B. C., Haas, H. S., & Patti, D. C. (2012). *The school counselor's guide to special education*. New York, NY: Skyhorse Publishing.
- Wickremesooriya, S. F. (2015). A right to speak and a right to be heard. *The Canadian Journal of Action Research, 16*(1), 3–21. Retrieved from <http://journals.nipissingu.ca/index.php/cjar/article/view/176/96>.